

# 32 mahasiswa UMS jayakan bakti siswa di SMK Weston

UB 16.11.2019 4

Oleh Yap Siong Han

**BEAUFORT:** Seramai 32 mahasiswa Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyajarkan Program Bakti Siswa dan Kem Motivasi di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Weston, di sini, baru-baru ini.

Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Raman Noordin berkata, program itu antara lain bertujuan menguatkan hubungan antara warga kampus dengan masyarakat selain berkongsi ilmu dan mendedahkan konsep tanggungjawab sosial kepada para pelajar yang terlibat.

“Program yang dianjurkan bagi membentuk mahasiswa menjadi warga yang sentiasa peka untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat dan pastinya akan melahirkan siswa yang bersifat holistik.



**TERIMA KASIH:** Raman (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Awang Besar.

“Ia turut dijayakan kira-kira 50 orang pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat sekolah terbabit,” katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis perasmian program berkenaan.

Program tiga hari itu dirasmi-

kan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lumadan, Matbali Musah.

Dalam ucapannya Matbali berkata, kehadiran mahasiswa UMS akan menyuntik semangat dan motivasi kepada pelajar-pelajar SMK Weston untuk menyusul ke UMS suatu hari nanti.

“Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan terhadap usaha-usaha murni dari mahasiswa-mahasiswa UMS yang berjaya menganjurkan program seumpama ini di SMK Weston,” katanya.

Hadir sama pada majlis itu Pengetua SMK Weston, Beaufort, Awang Besar Suran; Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah) Dr. Arif@Kamisan Pusiran; dan Timbalan Pengarah Program Bakti Siswa dan Kem Motivasi 2019, Johamir Johari.